

Negara Islam: Pengumuman PM penuhi syarat

UM 2 OCT 2001

KUALA LUMPUR 1 Okt. — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim berkata pengumuman Perdana Menteri kelmarin bahawa Malaysia adalah negara Islam telah memenuhi syarat-syarat pengisytiharan walaupun dibuat di luar Parlimen.

Menurut beliau, dari segi syarat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu lagi mengisytiharkan di Parlimen kerana pengumuman yang telah dibuat adalah memadai.

Sehubungan itu, kata Rais, Perdana Menteri tidak perlu dipaksa untuk mengisytiharkan sekali lagi dalam Parlimen.

“Perkara ini tidak perlu diperdebat atau dibahaskan kerana konsep negara Islam telah pun diterima pakai oleh rakyat negara ini.

“Bagaimanapun, Perdana Menteri berhak membuat keputusan sama ada mahu mengisytiharkan sekali lagi di Parlimen atau sebaliknya,” katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau mengulas tindakan Pas yang tetap dengan pendiriannya mahukan UMNO mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di Parlimen.

Presidennya, Datuk Fadzil Noor berkata, pengisytiharan itu penting bagi membolehkan semua anggota mengambil bahagian dalam perbahasan sebelum diterima pakai.

Perdana Menteri dalam ucapannya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia, kelmarin, berkata:

“UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam berasaskan kepada pendapat ramai daripada ulama-ulama zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dia negara Islam.”

Mengulas lanjut, Rais berkata, kenyataan Fadzil itu dianggap cuba memerangkap pemimpin negara dalam kancah politik yang tidak berkesudahan.

Menurut beliau, walau apa pun yang dilakukan oleh Perdana Menteri, tidak akan disenangi oleh parti pembangkang itu kerana mereka akan mencari helah lain sehingga cita-cita politik mereka tercapai.

“Pengisytiharan di Parlimen oleh Perdana Menteri hanya mengundang serangan kata-kata daripada barisan pembangkang,” tegasnya.

Selain itu, jelas beliau, tindakan Pas yang bertegas mahukan UMNO mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam di Parlimen bertujuan supaya rakyat melupakan krisis yang dihadapi oleh parti itu dengan DAP.

Katanya, Pas cuba menjadikan UMNO sebagai mangsa kedua selepas gagal menyelesaikan isu penubuhan negara Islam dengan DAP.

Menurut beliau, Pas cuba menyembunyikan kelemahannya dengan mengalihkan isu penubuhan negara Islam kepada UMNO.

“Pas hendak mengubah pemikiran rakyat supaya melupakan hubungan lemah mereka dengan DAP,” tegasnya.